

09 AUG 1999

Ibrahim-Mahkamah

KOMPLEKS MAHKAMAH SHAH ALAM AKAN SIAP PERTENGAHAN TAHUN DEPAN

BANGI, 9 Ogos (Bernama) -- Tindakan telah diambil untuk menyambung semula kerja-kerja pembinaan kompleks Mahkamah Shah Alam yang tertangguh akibat masalah kewangan yang dihadapi oleh kontraktor.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali hari ini berkata satu sub-kontraktor telah dilantik untuk menyiapkan kompleks mahkamah itu.

Mengikut penjadualan semula projek itu, bangunan mahkamah berkenaan dijangka siap pada pertengahan tahun depan, katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat mengenai projek bangunan baru institut Latihan Kehakiman dan Perundangan di Bandar Baru Bangi, di sini.

Tindakan menyambung semula pembinaan kompleks itu berikutan gesaan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah supaya pembinaan Mahkamah Tinggi Shah Alam disegerakan dan selagi ia tidak siap Shah Alam tidak akan diisytiharkan sebagai bandaraya.

Seri Paduka yang juga Sultan Selangor meluahkan perasaan dukacita atas kelewatan projek itu semasa melakukan lawatan ke Mahkamah Persekutuan di sini pada 29 Julai lepas.

Ibrahim berkata kompleks mahkamah itu sepatutnya sudah boleh diduduki tetapi tertangguh semasa ia sudah 35 peratus dibina.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga pernah membangkitkan perkara itu semasa mesyuarat jemaah menteri, kata Ibrahim yang memberi jaminan bahawa beliau akan mengawasi pembinaan mahkamah-mahkamah di bawah Rancangan Malaysia ke-7.

Katanya setakat ini hanya pembinaan kompleks Mahkamah Shah Alam yang mengalami masalah dan pembinaan projek mahkamah di negeri-negeri lain sedang dilaksanakan mengikut jadual.

Beliau juga berkata tindakan akan difikirkan untuk diambil terhadap kontraktor asal atas kegagalan menyiapkan projek itu mengikut jadual.

-- BERNAMA

ARA RON